

Kertas Bil. 95/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 17 – 20 OGOS 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN
BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PENGURUSAN BANGUNAN
YAYASAN SELANGOR DI BUKIT BINTANG**

KERTAS BILANGAN 49/2015

MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PENGURUSAN BANGUNAN YAYASAN SELANGOR DI BUKIT BINTANG YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17-20 OGOS 2015

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Diterima	Ditolak	Ulasan/Tindakan MMKN
49	<p>PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PENGURUSAN BANGUNAN YAYASAN SELANGOR DI BUKIT BINTANG</p>	<ol style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri harus menetapkan rancangan strategik jangka panjang untuk memastikan kesinambungan keputusan yang diambil oleh pengurusan atasan Yayasan Selangor. Yayasan Selangor harus mengkaji semula kesesuaian keputusan Yayasan Selangor melaksanakan projek pembangunan semula untuk membina hotel butik secara sendiri memandangkan pelaksanaan projek pembangunan semula bukan aktiviti teras Yayasan Selangor. Kerajaan Negeri harus memastikan Yayasan Selangor memfokuskan sumber kewangan organisasi kepada pencapaian matlamat penubuhan iaitu membiayai aktiviti pendidikan di Selangor melalui pengurusan hartanah yang cekap. Kerajaan Negeri harus memastikan Yayasan Selangor mempunyai perancangan strategik mengukuhkan kedudukan kewangan sebelum melaksanakan projek pembangunan yang mempunyai kos yang tinggi. 			<p>Yayasan Selangor telah pun mempunyai Plan Perancangan Strategik 5 tahun (2015 -2019) dan semakan semula untuk tahun 2015- 2020</p> <p>Yayasan Selangor telah pun memulakan proses untuk mengoperasikan semula bangunannya di Jalan Bukit Bintang untuk pelan jangka pendek (sewaan) dengan membaikpulih sistem bangunan dan dalam masa yang sama merancang proses pembangunan jangka panjang.</p> <p>Projek Pembangunan hartanah adalah merupakan salah satu objektif penubuhan Yayasan Selangor bagi menampung aktiviti pendidikan seperti mana yang termaktub didalam Memorandum of Articles Yayasan Selangor.</p> <p>Buat masa ini Yayasan Selangor menampung seramai 5,500 orang pelajar tajaanannya . Yayasan Selangor sejak dari dulu menampung kos aktiviti pendidikan ini dan kos pengurusan melalui hasil sewaan hartanah dan projek pembangunan TANPA mendapat sebarang geran dari Kerajaan Negeri.</p> <p>Kerajaan Negeri akan melihat dan memberi perhatian perkara ini seperti yang di rancang dalam Pelan Perancangan Strategi Yayasan Selangor.</p>


YB NIK MAZMUKI SHAM
 Tugasan, Pejabat EXCO
 Bangunan Sultan Saifuluddin Addul-Muhsin Shah
 40000 Shah Alam
 Selangor Darul Ehsan